



Kejadian gas bocor yang berlaku di Jalan Sultan Ismail, semalam.

Tiga cedera akibat kebocoran gas

KUALA LUMPUR -Tiga dilaporkan cedera dalam insiden kebocoran gas di aras bawah tanah sebuah bank di Jalan Sultan Ismail, di sini, kira-kira jam 3.52 petang semalam.

Jabatan Bomba dan Penyelamat sahkan insiden tersebut melibatkan kebocoran gas dan bukan letupan.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahman, berkata, siasatan awal mendapati ketiga-tiga pekerja penyelenggara terbabit dalam proses membawa keluar set janakuasa lama dari bilik berkenaan.

Katanya, dipercayai berlakunya kecuaiian apabila kabel kemudi silinder dalam bilik ber-

kenaan diusik hingga menyebabkan gas karbon dioksida menarik oksigen dalam bilik janakuasa itu.

"Pihaknya dimaklumkan mengenai kejadian itu pada 3.52 petang tadi. Pihak bomba yang tiba kurang 10 minit kemudian bergegas membuka pintu bilik janakuasa itu dan mengeluarkan mangsa yang sudah terbaring.

"Seorang daripada mereka didapati mengalami kecederaan pada kepala selepas terhantuk pada objek keras dalam bilik berkenaan," katanya.

Mangsa terlibat dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk mendapatkan rawatan lanjut.